



**BALAI SENI NEGARA**  
**2, Jalan Temerloh, Off Jalan Tun Razak,**  
**53200 Kuala Lumpur.**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)



## **SIARAN MEDIA** **UNTUK SIARAN SEGERA**

### **PAMERAN *THE POWER OF TRADITION “BELT AND ROAD”*, SIMBOLIK HUBUNGAN DIPLOMATIK MALAYSIA-CHINA MELALUI SENI VISUAL.**

**31 Mei 2018, Kuala Lumpur-** Dalam meraikan hubungan diplomatik diantara Malaysia dan China, Balai Seni Negara membuka ruangnya kepada seorang pelukis kelahiran China yang telah bermastautin di negara ini sejak dari tahun 1999. *The Power of Tradition “Belt and Road”*, sebuah pameran seni oleh Grace Cong Lige yang dibawakan kepada khalayak untuk mengetengahkan idea beliau menggabungkan Seni Tradisi China dan Malaysia.

Grace Cong mendapat pendidikan formal dalam bidang seni halus di Akademik Seni Halus Luxun, China. Karya karya beliau selalunya diinspirasikan melalui pengalaman hidup selama 19 tahun, menetap di Malaysia, beliau tertarik dengan gaya hidup harmoni rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan menjadikanya sebagai subjek di dalam berkarya.

Pameran ini mengandungi sebanyak 45 buah karya. Ianya bermotifkan Tarian Naga, Harimau Malaya, budaya China dan Melayu menjadi sebuah karya yang menunjukkan kesatuan 2 budaya berbeza. Menurut beliau Tarian Naga, Batik dan Wau merupakan kesenian turun temurun ratusan tahun dahulu yang mempunyai kekuatan untuk menyatukan masyarakat dan membangkitkan rasa banggga sebagai bangsa Malaysia.

Pameran ini telah berlangsung di Galeri *Creative Space 1*, Balai Seni Negara dan dibuka mulai 21 Mei 2018 sehingga 17 Jun 2018. Ianya dirasmikan oleh Ybhg. Tan Sri Datuk Richard Cham Hak Lim, Pengurus, *Selangor Turf Club*. Orang ramai adalah dijemput hadir untuk menyaksikan pameran ini.

# # #

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Balai Seni Negara**  
**No. 2 Jalan Temerloh Off Jalan Tun Razak**  
**53200 Kuala Lumpur**  
Tel : 03-40267000 Fax : 03-40244998  
pr.artgallery@1govuc.gov.my  
[www.artgallery.gov.my](http://www.artgallery.gov.my)